

**GARIS PANDUAN PERSEMBAHAN INOVASI**

---

**A. Jumlah Pembentang Persembahan**

Jumlah maksima pembentang setiap kumpulan ialah seramai dua (2) orang sahaja. Jumlah pembantu untuk mengendalikan peralatan tidak dihadkan.

**B. Tempoh Masa**

Setiap kumpulan diberi masa tiga puluh (30) minit. Lima (5) minit pertama adalah untuk persiapan persembahan. Selepas 15 minit persembahan, loceng akan dibunyikan menandakan hanya tinggal tiga (3) minit sahaja untuk menghabiskan persembahan. Selepas itu, panel penilai akan diberi peluang untuk mengemukakan pertanyaan dalam masa tujuh (7) minit sahaja.

**C. Peralatan dan Keperluan Persembahan**

- i. Persembahan hendaklah menggunakan komputer bimbit, LCD dan perisian persembahan power point. Sekiranya perisian yang lain digunakan untuk persembahan, pastikan ianya boleh beroperasi dengan sendiri (self-executable).
- ii. Peserta dibenarkan menggunakan peralatan sendiri. Walaubagaimanapun pihak urusetia akan menyediakan perisian Ms Office 2007 Professional Edition serta LCD.
- iii. Satu (1) salinan digital persembahan yang boleh beroperasi dengan sendiri (self-executable) perlu dikemukakan kepada urusetia selepas sesi perbentangan selesai.
- iv. Satu salinan persembahan "Hard Copy" perlu dikemukakan kepada urusetia selepas sesi perbentangan selesai.

*Nota: -Pemasangan dan ujijalan perlu dibuat sehari sebelum persembahan.*

**D. Format Persembahan dan Kriteria Penilaian**

- i. Pengenalan ringkas mengenai kumpulan atau individu.
- ii. Objektif bahagian atau unit.
- iii. Saiz organisasi.  
Para peserta diingatkan supaya tidak mengambil masa yang lama untuk penerangan bagi perkara 1 hingga 3 kerana tiada markah yang akan diberikan.
- iv. Huraian ringkas keadaan serta masalah sebelum program perubahan dilaksanakan.
- v. Keterangan mengenai inovasi yang telah dilaksanakan.

**GARIS PANDUAN PERSEMBAHAN INOVASI**

---

- vi. Perubahan yang dilaksanakan adalah berpotensi untuk digunakan oleh bahagian/jabatan lain.
- vii. Huraian terperinci tujuh (7) Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam
  - a) **Kreativiti-** Inovasi yang diperkenalkan hendaklah kreatif sama ada yang baru atau telah diadaptasi.
  - b) **Potensi Pelaksanaan-** Terdapat bukti inovasi telah berjaya dilaksanakan secara penuh atau percubaan dalam mencapai matlamat ianya diperkenalkan.
  - c) **Replicability-** Terdapat bukti inovasi dapat digunakan oleh agensi-agensi dan pihak-pihak lain secara terus atau dengan diubahsuai mengikut keperluan.
  - d) **Efisien-** Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat menyumbang kepada cara berkerja yang cekap, cepat, tepat dan mudah.
  - e) **Signifikan-** Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi faedah yang jelas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi.
  - f) **Keberkesanan Kos-** Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat meningkatkan produktiviti hasil kerja organisasi dengan kos yang sama atau lebih rendah.
  - g) **Komitmen Pengurusan Atasan-** Terdapat bukti yang jelas mengenai penglibatan kepimpinan dan sokongan pihak pengurusan atasan dalam menghasilkan inovasi.